

MAHATHIR - TEMUBUAL

OLEH ABDUL KARIM SHUKOR

1983
KUALA LUMPUR, 2 MAC (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD TELAH MENGUMUMKAN KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA +MALAYSIA INCORPORATED+ PADA HARI JUMAAT LALU.

SEJAK ITU KONSEP TERSEBUT MENDAPAT PERHATIAN DAN MENJADI BUAH MULUT. BANYAK PERTANYAAN TELAH TIMBUL MENGENAINYA.

DALAM SATU TEMUBUAL DENGAN BERNAMA, PERDANA MENTERI TELAH MENJELASKAN KONSEP TERSEBUT YANG SEBENARNYA DAN HARAPAN BELIAU SENDIRI TERHADAPNYA.

BERIKUT INI DISIARKAN SEPENUHNYA TEMUBUAL TERSEBUT.

-- LAGI 0935/II

ZCZC B508

MAHATHIR - TEMUBUAL 2 KUALA LUMPUR

S: BOLEHKAH DATUK SERI JELASKAN KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA SEPERTI YANG DATUK NYATAKAN JUMAAT LALU?

PM: DAHULU JEPUN DIKENALI SEBAGAI PERSYARIKATAN JEPUN. LABEL ITU BUKAN DIBERIKAN OLEH JEPUN SENDIRI TETAPI DIBUAT OLEH NEGARA-NEGARA BARAT YANG MENUDUH JEPUN SEBAGAI PERSYARIKATAN JEPUN KERANA KERAJAAN DAN SEKTOR SWASTA BEKERJASAMA ERAT DI ANTARA SATU SAMA LAIN, SEOLAH-OLEH SEBAGAI SATU ENTITI, DALAM MEMASARKAN BARANGAN YANDAK DIJUAL.

JADI, KALAU DIPANDANG DARI SEGI ORANG LAIN, KERJASAMA DIANTARA KERAJAAN JEPUN DENGAN SEKTOR SWASTA INI ADALAH TIDAK BAIK. TETAPI KALAU WUJUD KERJASAMA RAPAT ANTARA PIHAK KERAJAAN DENGAN SEKTOR SWASTA, MAKA HARAPAN NEGARA UNTUK MENJADI MAJU DAN MENJADI SEBAGAI NEGARA PERUSAHAAN, ADALAH LEBIH BAIK. SEKARANG SIKAP PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN SEOLAH-OLAH MEREKA BERKONFRANTASI DENGAN SEKTOR SWASTA. KALAU BOLEH, APA YANG DIKEHENDAKI OLEH SEKTOR SWASTA, MEREKA TIDAK MAHU MEMBERINYA, DAN KALAU MEMBERINYA PUN, IA DIBERI DENGAN TIDAK IKHLAS. -- LAGI 0940/II

JADI SELALU BERLAKU PERSELISIHAN DIANTARA SEKTOR SWASTA DENGAN KERAJAAN. OLEH KERANA ITU PEMBANGUNAN NEGARA TERGANGGU DAN PEMBANGUNAN SEKTOR SWASTA JUGA AKAN TERJEJAS.

HASIL KERAJAAN JUGA MEROSOT. DARI ITU, DARI SEGI KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA, IDEANYA IALAH SUPAYA MENGANGGAP DIRINYA SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA PROGEM PERINDUSTRIAN NEGARA.

INI BERERTI DI MANA-MANA YANG BOLEH, KERAJAAN AKAN MENOLONG SEKTOR SWASTA DAN TIDAK LAGI MENJADI BATU PENGHALANG. DENGAN CARA INI KITA BERHARAP AKAN DAPAT MEMUDAHKAN LAGI PEMBANGUNAN NEGARA.

SEBENARNYA MESTILAH WUJUD KERJASAMA DIANTARA KERAJAAN DENGAN SEKTOR SWASTA. KERAJAAN SEPATUTNYA JANGANLAH IRIHATI MELIHAT KEJAYAAN SEKTOR SWASTA WALAUPUN SEKTOR ITU MEMBUAT KEUNTUNGAN DIRI DENGAN BANYAKNYA. ALASANNYA IALAH KERANA APABILA MEREKA MEMBUAT KEUNTUNGAN YANG BESAR, KERAJAAN BOLEH MENGENAKAN CUKAI KE ATAS MEREKA DAN WANG ITU DIGUNAKAN UNTUK KEBAJIKAN RAKYAT DENGAN MEMBANGUNKAN NEGARA. -- LAGI 0945/II

MAHATHIR - TEMUBUAL 4 KUALA LUMPUR

S: SEJAJAR DENGAN KONSEP BARU ITU, DATUK SERI ADA MENYEBUTKAN KEMUNGKINAN BEBERAPA BUAH AGENSI YANG DIKENDALIKAN OLEH KERAJAAN BOLEH DIBERAHKAN KEPADA SEKTOR SWASTA. ADAKAH DATU SERI BERFIKIR SEBAGAI CONTOHNYA KERETAPI TANAH MELAYU, YANG SENTIASA MENANGGUNG KERUGIAN, BOLEH DITUKARKAN MENJADI SEBUAH PERBADANAN?

PM: MEMANG ADA KEMUNGKINANNYA DAN MALAH CADANGAN TELAH DIBUAT JAUH LEBIH AWAL LAGI. TETAPI BANTAHAN DATANGNYA DARIPADA PARA PEKERJA SENDIRI YANG TERUS MAHU KEKAL SEBAGAI KAKITANGAN KERAJAAN. OLEH KERANA ITU, IA TIDAK DIJADIKAN SEBUAH PERBADANAN. DIDAPATI BAHAWA KERATA API KEBANGSAAN JEPUN YANG MENJADI MILIK KERAJAAN, SEDANG MENGHADAPI KERUGIAN, SEDANGKAN SEMUA SYARIKAT KERETA API JEPUN YANG LAIN MENDAPAT UNTUNG. INI MEMBUKTIKAN BAHAWA PERUSAHAAN YANG DIKENDALIKAN OLEH PIHAK KERAJAAN SELALUNYA MENANGGUNG KERUGIAN.

DALAM MASA 10 HINGGA 15 TAHUN YANG LALU, KERAJAAN TELAH MENAMBAHKAN PENGLIBATANNYA DALAM BIDANG PERNIAGAAN DAN PEMBINAAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN YANG TERTENTU. KITA MESTILAH MENERIMA BAHAWA NAMPAKNYA MENJADI TANGGUNGJAWAB KERAJAAN UNTUK MEMAJUKAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN ASAS YANG TERTENTU. DI SETENGAH-SETENGAH NEGARA, BEBERAPA PERKHIDMATAN SEPERTI PELABUHAN, KERETA API, BEKALAN ELEKTRIK DAN PERKHIDMATAN SOKONGAN YANG LAIN DIKENDALIKAN OLEH SEKTOR SWASTA.
-- LAGI 0950/II

ZCZC B511

MAHATHIR - TEMUBUAL 5 KUALA LUMPUR

MENGENAI KERETA API TANAH MELAYU IA BOLEH DISERAHKAN KEPADA SEKTOR SWASTA, ATAU PEMBANGUNANYA UNTUK MASA DEPAN BOLEH DISELENGGARAKAN OLEH SEKTOR SWASTA TETAPI HENDAKLAH SEJAJAR DENGAN DASAR EKONOMI BARU.

S: DATUK SERI, ADAKAH KEMUNGKINAN KERAJAAN AKAN MENYERAHKAN BEBERAPA PROJEK PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI, YANG TERPAKSA MENANGGUNG RUGI SEKARANG KEPADA SEKTOR SWASTA?

PM: YA, KERAJAAN BOLEH BERBUAT BEGITU BUKAN SAHAJA BAGI PROJEK-PROJEK YANG RUGI TETAPI JUGA YANG UNTUNG SERTA JUGA BEBERAPA PROJEK LAIN YANG DIJALANKAN OLEH KERAJAAN SEKARANG, YANG BOLEH DILAKUKAN DENGAN CARA YANG SAMA.

S: DATUK SERI, ADAKAH KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA ITU JUGA MEMPUNYAI KAITANNYA DENGAN KEPIMPINAN MELALUI TAULADAN YANG AKAN DATUK SERI LANCARKAN PADA 19 MAC INI?

PM: DARI SEGI TAULADAN, KERAJAAN MESTILAH MENUNJUKKAN TAULADAN YANG BAIK. SEBAGAI AGENSI CONTOH KEPADA SELURUH NEGARA DAN KERAJAAN MESTILAH MENGOTAKAN APA YANG DIKATAKAN. ITULAH PENEKANAN KERAJAAN SEJAJAR DENGAN DASAR HENDAK MEMUJUDKAN SEBUAH KERAJAAN YANG BERSIH, CEKAP DAN AMANAH. -- LAGI 0955/II

ZCZC B512

MAHATHIR - TEMUBUAL 6 KUALA LUMPUR

S: SEMASA DATUK SERI MENGHADIRI MAJLIS-MAJLIS TAKLIMAT, DIDAPATI BAHAWA DATUK SERI BEGITU MEMBERI PERHATIAN TENTANG KURANGNYA INNOVASI DALAM BIDANG-BIDANG PROSES PEMBANGUNAN OLEH PEGAWAI-PEGAWAI PELAKSANAAN TERUTAMA SEKALI DALAM BIDANG PERKILANGAN DAN PEMEROSAN.

PM: UNTUK MEMANDANG LEBIH JAUH KE DEPAN DALAM PROSES PEMBANGUNAN DAN PEMBABARUAN, BERERTI DARI SEGI DAYA PENGELUARAN, MENINGKATKAN KEUPAYAAN MEREKA SUPAYA MEREKA LEBIH BERMINAT DAN MEMPUNYAI PEMAHAMAN YANG LEBIH RAPAT MENGENAI TUGAS-TUGAS, KEMAHIRAN DAN PENGELUARAN. INILAH YANG DILAKUKAN OLEH KERAJAAN SEKARANG, IAITU MENINGKATKAN KEMAHIRAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN.

S: APAKAH YANG DATUK SERI HARAPKAN DARIPADA PENGENALAN KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA?

PM: KITA TIDAK BOLEH MENGHARAPKAN KEHIDUPAN YANG BAIK KECUALI KITA MAKMUR. INI MESTILAH DATANGNYA DARIPADA USAHA KITA SENDIRI. DENGAN KATA-KATA LAIN, SESEORANG MESTILAH PRODAKTIF SUPAYA KITA BOLEH MEMPEROLEHI PENDAPATAN YANG LEBIH BAGI MENYARA TARAF HIDUP YANG LEBIH TINGGI. JIKA KITA TIDAK PRODAKTIF, SUDAH TENTULAH HASIL-NYA KITA AKAN MENEMUI KEGAGALAN. -- LAGI 1000/II

MAHATHIR - TEMUBUAL 7 KUALA LUMPUR

ITULAH SEBABNYA, WALAUPUN KERAJAAN TELAH MENYEDIAKAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN DAN INFRASTRUKTUR YANG PALING KEMAS KINI, TETAPI KEMUDAHAN-KEMUDAHAN INI TELAH TIDAK DIJAGA DENGAN SEWAJARNYA DAN TIDAK PULA DIGUNAKAN SEPENUHNYA BAGI MENCAPAI FAEDAH YANG MAKSIMUM.

KITA MELIHAT BANYAK KEMUDAHAN KERAJAAN TERBIAR BEGITU SAHAJA. SEBAGAI SONTOHNYA, BALAI-BALAI RAYA, SEKOLAH, MALAH PEJABAT-PEJABAT KERAJAAN PUN ADA YANG TERBIAR BEGITU SAHAJA. KEMUDAHAN-KEMUDAHAN INI TIDAK DIGUNAKAN DENGAN SEWAJARNYA KERANA IA MEMPUYAI STANDARD YANG AGAK TINGGI, YANG DI LUAR KEMAMPUAN KITA HENDAK MENJAGANYA. OLEH ITU, APA YANG KITA KEHENDAKI SEKARANG IALAH SUPAYA RAKYAT DAPAT MENINGKATKAN KEMAMPUAN MEREKA SUPAYA AKHIRNYA DAPAT MENCAPAI PENDAPATAN YANG LEBIH BAIK, DAN SETERUSNYA BERMAKNA HASIL YANG LEBIH BANYAK BAGI KERAJAAN. SEBALIKNYA, KERAJAAN JUGA BOLEH MENYEDIAKAN BANYAK LAGI KEMUDAHAN SEPERTI ITU. RAKYAT SENDIR MESTI-LAH BELAJAR MENJAGA KEMUDAHAN-KEMUDAHAN TERSEBUT UNTUK KEBAIKAN DIRI MEREKA SENDIRI. -- BERNAMA 1005/II